

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR**  
**PROGRAM PERKHEMAHAN PERDANA MAHASISWA 2006 KUTKM**  
**KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:**  
PANTAI PENYABUNG  
MERSING, JOHOR

**TARIKH :**  
25 NOVEMBER 2006

TEKS UCAPAN YBHG. REKTOR SEMPENA  
PROGRAM PERKHEMAHAN PERDANA MAHASISWA  
2006 KUTKM PADA 25 NOVEMBER 2006, JAM 3.20  
PETANG BERTEMPAT DI PANTAI PENYABUNG,  
MERSING, JOHOR

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM  
SEJAHTERA

Y.B. DATO' DR. ADHAM BIN BABA

SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN  
TINGGI MALAYSIA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,  
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN  
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN  
MOHAMAD DIAH,  
TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &  
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

AHLI-AHLI EXCO MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI  
SEKALIAN,

PERTAMANYA MARILAH KITA MENGUCAPKAN  
SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KEPADA ALLAH

SWT KERANA DENGAN LIMPAH RAHMATNYA MAKA  
KITA DAPAT BERKUMPUL BERSAMA-SAMA PADA  
HARI INI BAGI MENGADAKAN MAJLIS PERASMIAN  
PERKHEMahan PERDANA MAHASISWA 2006  
KUTKM INI.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATANINI UNTUK  
MERAKAMKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YB  
DATO' DR ADHAM BIN BABA, SETIAUSAHA  
PARLIMEN, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
MALAYSIA KERANA SUDI HADIR DAN SETERUSNYA  
MERASMIKAN MAJLIS PADA HARI INI.

DI KUTKM INI KITA MEMPUNYAI SEBANYAK 30 BUAH  
KELAB DAN PERSATUAN. IA TERDIRI DARIPADA  
PELBAGAI KATEGORI IAITU ANTARANYA  
PERSATUAN FAKULTI, KEAGAMAAN, SOSIAL,  
KEUSAHAWANAN, SUKAN DAN SEBAGAINYA.  
KEAHlian KELAB-KELAB INI ADALAH MENYELURUH  
DENGAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

MERUPAKAN INDUK KEPADA PERSATUAN-  
PERSATUAN INI.

DI PERINGKAT FAKULTI WUJUDNYA PERSATUAN  
MEREKA SENDIRI, MISALNYA PERSATUAN  
MAHASISWA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN  
KOMUNIKASI (FICT'S), PERSATUAN PELAJAR  
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FaMESA),  
PERSATUAN MAHASISWA FAKULTI KEJURUTERAAN  
ELEKTRIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER  
(ECCESS), KELAB IEE (INSTITUTION OF ELECTRICAL  
ELECTRONIC ENGINEERS) DAN PERSATUAN  
MAHASISWA KEJURUTERAAN PEMBUATAN (SME).

TERDAPAT JUGA PERSATUAN YANG DITUBUHKAN  
ATAS DASAR DAN MINAT YANG SAMA MISALNYA  
KELAB DEBAT DAN PIDATO, KELAB BADAN DAKWAH  
DAN KEROHANIAN (BADAR), PERSATUAN SILAT  
CEKAK HANAFI, KELAB KAUNSELING DAN KERJAYA,

KELAB PERPADUAN, KELAB NASYID, KELAB CATUR,  
KELAB BADMINTON DAN SEBAGAINYA.

PELBAGAI AKTIVITI TELAH DIATUR UNTUK  
MANFAAT AHLI-AHLI KELAB DAN PERSATUAN.  
PIHK UNIVERSITI TIDAK PERNAH MENGHALANG  
PENUBUHAN KELAB DAN PERSATUAN PELAJAR,  
MALAH MENGGALAKKAN PENUBUHAN DAN AKTIVITI  
YANG DILAKUKAN. INI KERANA, KITA SEDAR  
BAHAWA PENGLIBATAN PELAJAR DALAM AKTIVITI  
KELAB DAN PERSATUAN MAMPU MEMBENTUK  
MAHASISWA YANG TIDAK SAHAJA CEMERLANG  
DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI JUGA DAPAT  
MEMBENTUK MAHASISWA YANG MEMPUNYAI  
SAHSIAH DAN JATI DIRI YANG BAIK.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH KELAB  
DAN PERSATUAN DAPAT MENGELOAKKAN  
MAHASISWA DARIPADA MEMBUANG MASA  
MELAKUKAN PERKARA YANG TIDAK BERFAEDAH.  
PENGLIBATAN MAHASISWA DENGAN KELAB DAN  
PERSATUAN AKAN DAPAT MENINGKATKAN  
KREATIVITI, KETAHANAN MENTAL DAN FIZIKAL.  
SELAIN ITU IA DAPAT MENDEDAKAN MEREKA  
AKAN KEPENTINGAN ASPEK KOMUNIKASI,  
KERJASAMA, PERPADUAN DAN SEMANGAT KERJA  
BERPASUKAN. INILAH YANG DINAMAKAN  
PENINGKATAN SOFT SKILL ATAU PEMBANGUNAN  
INSANIAH MAHASISWA.

SEMUA PERKARAINI PERLU DIPUPUK KEPADA  
MAHASISWA-MAHASISWI KUTKM SEBELUM  
MEREKA BERGRADUAN LAGI. INI KERANA, SELEPAS  
TAMAT PENGAJIAN NANTI ANDA AKAN MELALUI  
DAN MENEMPOHI ALAM PEKERJAAN DI SAMPING  
TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN

KEHIDUPAN BERMASYARAKAT. SEBAGAI SEORANG YANG MEMPUNYAI PENDIDIKAN TINGGI, MAJIKAN DAN MASYARAKAT MENARUH HARAPAN DAN KEPERCAYAAN AGAR ANDA MENGETAHUI AKTIVITI-AKTIVITI PERSATUAN SAMA ADA YANG BERCORAK KEAGAMAAN, KEMASYARAKATAN, POLITIK DAN SEBAGAINYA.

SAYA PERCAYA TANPA PENDEDADAHAN AWAL DI PERINGKAT UNIVERSITI LAGI, ANDA MUNGKIN AKAN MENGHADAPI MASALAH BAGI MENJAYAKAN AKTIVITI PERSATUAN ITU NANTI. SAYA BERHARAP MAHASISWA KUTKM MAMPU MENJADI INDIVIDU PENTING YANG DIBERI KEPERCAYAAN OLEH MASYARAKAT BAGI MENJAYAKAN MANA-MANA PERSATUAN.INI AKAN MEMBAWA IMPAK BESAR TIDAK SAHAJA PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP DIRI ANDA TETAPI JUGA UNIVERSITI SERTA SEMUA LEPASAN IPT DI SELURUH NEGARA.

#### HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ADALAH SESUATU YANG MERUGIKAN SEKIRANYA MAHASISWA YANG DILAHIRKAN PADA PERINGKAT IPT TIDAK MEMPUNYAI KECENDERUNGAN UNTUK BERKHIDMAT ATAU TERLIBAT DALAM AKTIVITI BERPASUKAN. SEBAGAI SEORANG PROFESIONAL DALAM BIDANG KEJURUTERAAN ATAU KOMPUTER, SEKURANG-KURANGNYA ANDA PERLU MENYERTAI MANA-MANA BADAN PROFESIONAL ATAU PERSATUAN KEJURUTERAAN ATAU KOMPUTER DI PERINGKAT NEGARA. DENGAN CARA INI PROFESION ANDA AKAN DIiktiraf.

APABILA KITA MENYERTAI PERSATUAN, KITA BERHAK UNTUK MENYAMPAIKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT BAGI MEMAJUKAN PERSATUAN, MASYARAKAT DAN NEGARA. TIDAK ADA GUNANYA KITA MEMPUNYAI IDEA YANG BAIK TETAPI TIDAK DAPAT DISALURKAN KERANA KITA TIDAK

MEMPUNYAI BADAN, KELAB ATAU PERSATUAN YANG DAPAT MENYAMPAIKAN PANDANGAN KITA.

AKTIVITI KELAB DAN PERSATUAN YANG BERFAEDAH KEPADA UNIVERSITI.

SAYA AMAT MENARUH HARAPAN AGAR PADA SUATU HARI NANTI MAHASISWA KUTKM AKAN MENJADI TOKOH YANG TERKENAL DALAM PERSATUAN-PERSATUAN PROFESIONAL ATAU BADAN BUKAN KERAJAAN. PANDANGAN DAN PENDAPATNYA SENTIASA DIBERI PERHATIAN TERUTAMANYA DALAM MELAKSANAKAN POLISI NEGARA DEMI PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT.

OLEH ITU, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA PESERTA HARI INI AGAR DAPAT MEMANFAATKAN KESEMPOATAN PADA PROGRAMINI UNTUK MERANCANG AKTIVITI-AKTIVITI YANG MEMBERI FAEDAH KEPADA AHLI. WUJUDKAN *NET WORKING* DAN BENTUK KERJASAMA YANG ERAT TIDAK SAHAJA DI KALANGAN AHLI-AHLI KELAB TETAPI JUGA DENGAN PERSATUAN LAIN SUPAYA AKTIVITI YANG BAKAL DILAKSANAKAN LEBIH DINAMIK DAN MENDAPAT SOKONGAN SEMUA MAHASISWA KUTKM.

PERKARA INI TIDAK MUSTAHIL BERLAKU SEKIRANYA KITA TELAH BERANI UNTUK MELONTARKAN PANDANGAN DAN PENDAPAT SEMASA MENJADI AHLI ATAU JAWATANKUASA PERSATUAN DAN KELAB SEMASA BERADA DI UNIVERSITI LAGI. APA YANG PENTING IALAH ANDA PERLU BERANI DAN IKHLAS MELAKSANAKAN

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PROGRAM YANG BERLANGSUNG SELAMA 3 (TIGA) HARI INI AKAN MENDEDAKAN MAHASISWA

DENGAN PELBAGAI AKTIVITI, IAITU ANTARANYA IALAH AKTIVITI GOTONG-ROYONG MEMASAK DAN MEMBERSIH KAWASAN DENGAN PENDUDUK SETEMPAT. SELAIN DARIPADA ITU DIADAKAN JUGA AKTIVITI KHIDMAT KOMUNITI DENGAN MENGADAKAN KELAS KOMPUTER DAN CERAMAH KERJAYA KEPADA PENDUDUK DI SINI.

AKTIVITI-AKTIVITI AKAN MELATIH MAHASISWA KUTKM SUPAYA DAPAT MENANAMKAN SEMANGAT KEKITAAN SESAMA MASYARAKAT SETEMPAT. KITA PERLU INGAT BAHAWA DI MANA JUA KITA BERADA, ADALAH PERLU KEPADA KITA UNTUK SENTIASA MENGHORMATI MASYARAKAT SEKELILINGNYA SERTA MAMPU MENGAMBIL HATI MEREKA DENGAN MENUNJUKKAN BUDI PEKERTI YANG MULIA.

SELAIN ITU, KITA JUGA PERLU SANGGUP UNTUK MENGHULURKAN BANTUAN TENAGA, KEPAKARAN DAN KEWANGAN SUPAYA DAPAT MEMBANTU

MASYARAKAT. SEPERTI YANG SAYA KATAKAN TADI, BAHAWA SEBAGAI SEORANG YANG TERPELAJAR, ANDA AKAN MENJADI HARAPAN MASYARAKAT UNTUK MENGGERAKKAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG MEMBERI FAEDAH KEPADA MEREKA.

AKHIR KATA SAYA MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI SERTA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR KERANA TELAH BERJAYA MENGUMPULKAN KEPIMPINAN KELAB DAN PERSATUAN KUTKM SERAMAI 500 ORANGINI. SEMUA PESERTA PERKHEMAHAN PERDANA MAHASISWA KUTKM 2006INI PERLU MENANAMKAN KEYAKINAN DAN KEBOLEHAN DIRI UNTUK MENINGKATKAN KETAHANAN MENTAL DAN FIZIKAL DAN SEMOGA PROGRAMINI BERJAYA MENCAPAI OBJEKTIFNYA.

SEKIAN. WABILLAHİ TAUFİK WALHIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WBT.

TERIMA KASIH.